

Kongres Profesor Negara Platform Terbaik Cendekiawan Sumbang Idea
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 07 Julai 2011 11:04

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

7 JULAI 2011/5 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mustakim Ramli

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KONGRES PROFESOR NEGARA PLATFORM TERBAIK CENDIAKAWAN SUMBANG IDEA

UUM ONLINE: Kongres Profesor Negara boleh menjadi platform terbaik untuk cendekiawan menyumbang idea kepada memperkemaskan Agenda Transformasi Negara serta melakukan *early warning* kepada kerajaan dalam memperkasakan negara melangkaui Wawasan 2020.

Kalangan profesor boleh menggunakan platform ini bagi menyumbang idea baru dalam semua aspek daripada aspek sains sosial hingga kepada sains dan teknologi sebagai usaha membalas jasa negara yang melahirkan mereka sebagai cendekiawan di negara ini.

Pengarah Kongres Profesor Negara, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, kongres ini sebagai pendekatan profesor membayar balik apa yang disumbangkan oleh kerajaan kepada mereka sehingga menjadi ilmuan di negara ini.

Beliau berkata, profesor boleh menggunakan peluang ini untuk menjadi pemikir negara bagi menyumbang kembali ilmu untuk dimanfaatkan kepada negara dan masyarakat, amnya.

"Oleh itu, kongres yang menghimpunkan profesor-profesor dari pelbagai bidang untuk berdiskusi dan mengupas serta memperhalusi isu-isu mengenai Agenda Transformasi Negara diharap dapat membantu kerajaan dalam menyumbang pelbagai idea baru.

"Malah, melalui konges ini juga, kita dapat menggarap jaringan kerjasama dan persefahaman dalam kalangan profesor merentasi disiplin ilmu dan institusi," tambah beliau yang juga Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia.

Dr Mohamed Mustafa juga mengucapkan terima kasih pada profesor-profesor yang hadir kerana memberi komitmen cukup tinggi untuk sama-sama memberi buah fikiran serta berdiskusi demi kemajuan dan pembangunan negara.